

Alam Islam

Gagasan Perancis Di Algeria

Penjajahan Perancis Dikutuk oleh Umat Islam Seluruh Dunia


Dalam masa Jeneral De Gaulle sedang berusaha menarik perhatian umum sedunia, konon-kononnya kerajaannya bersedia hendak menyelesaikan masalah al-Jazā'ir (Algeria) dan mengiktiraf akan hak negara itu dalam menentukan nasibnya sendiri, bahkan pada masa itu juga perundingan pertama sedang berjalan dari kedua belah pihak Algeria dan Perancis di "Milan" untuk mewujudkan asas-asas persefahaman maka dalam masa itulah pula ibu pejabat tentera di Algeria mengeluarkan surat siaran yang dibahagi-bahagikannya kepada anggota-anggota tentera yang baharu, yang didatangkan dari negeri Perancis untuk menindas dan membunuh rakyat Algeria.

Antara lain dalam surat siaran itu berbunyi demikian:

"Wahai perajurit.

"Kamu datang ke negeri Algeria untuk berkenalan-berkenalan dengan daerah yang besar ini dari tanah airmu, negara Perancis, dan untuk menjalankan tugasmu dalam membela dan mengawalinya, dan mewujudkan keamanan di daerah ini seluruhnya.

"Kamu tidaklah datang ke Algeria untuk berperang di atas bumi negara asing, tetapi kedatangan kamu ialah untuk menetapkan keamanan di atas bumi negara Perancis sendiri. Tidak ada seorangpun yang berani menyangkal bahawa negeri Algeria ialah sebahagian dari negara Perancis.



Demikianlah bandar al-Jazā'ir (Algiers), ibu negeri Algeria, kelihatan dipagar oleh Perancis dengan kawat berduri yang berkaran, untuk mencegah daripada diseludupi oleh pejuang-pejuang Algeria yang gagah berani.

Alam Islam: Algeria

sambungan dari muka 25

Terpendam Besi, Tembaga Maganes, Fosfat, Selain daripada Minyak Petrol!”

Inilah dia bunyinya “perintah harian” yang telah dikeluarkan oleh ibu pejabat tentera Perancis di Algeria kepada tentera yang baru, dalam masa “perundingan Millan” (di antara wakil-wakil Algeria dengan pemerintah Perancis) sedang berjalan di Paris, yang kita ‘peturunkan dari Majalah “*France Observateur*” (sudah tentu majalah Perancis), yang dengan terang telah memecahkan tembelang politik kerajaannya, dan membuktikan bahawa seruan yang dihalakan oleh Jeneral De Gaulle kepada “pemerintah sementara Algeria” untuk merundingkan perdamaian di Algeria, tidaklah lain daripada satu sandiwara yang kesudahannya siang-siang telah diketahui ramai.

Telah jelas nyata bahawa pandangan umum Perancis, terutama pandangan am kalangan terpelajar, tidak bersetuju akan disiasah kerajaannya di Algeria. Meskipun De Gaulle berkali-kali membayangkan bahawa kerajaannya tidak menutup pintu perundingan selama-lamanya, tetapi orang ramai Perancis tetap mengutuk akan cara keganasan dan penyeksaan serta pembinasaan yang dijalankan oleh kerajaannya. Oleh itu tampillah penulis-penulis yang berjiwa merdeka, dan yang terutama dari mereka Jean-Paul Sartre, Frances Sargent, Louise Massignon dan lain-lainnya menulis dan bersyarah menjela siasah pemerintah Perancis yang kejam itu, dan menuntut supaya pemerintah mengubahnya. Serentak dengan itu telah tertubuh

kumpulan yang melambangkan “tidak ada perang di Algeria 1961” lalu tampil ke hadapan menyeru dengan sekeras-kerasnya dan tidak berganjak daripada tuntutan supaya pemerintah memberhentikan penindasan dan kekejamannya di Algeria, lalu melancarkan beberapa kali tunjuk perasaan dan di dalamnya guru-guru dari Universiti Sorbonne telah mengambil bahagian. Tunjuk perasaan itu dilancarkan dengan tujuan supaya pemerintah menahan pertumpahan darah orang-orang Perancis di medan perang Algeria. Tetapi semuanya itu tidak dapat melentur De Gaulle dan pembantu-pembantunya daripada menjalankan siasah mereka bahkan sebaliknya telah menyebabkan mereka bertambah ganas dan kejam, lalu membunuh empat orang pemimpin Algeria, Abdul Rahman al-Khaliqi dan rakannya, setelah mereka diseksa dengan kejam, sebagaimana yang telah disiarkan oleh wartawan Perancis George Ardo², yang telah didakwa di mahkamah kerana disifatkan oleh pemerintah Perancis sebagai penyokong kepada puak pemberontak Algeria dengan siarannya itu, dan kerana dia telah berterus terang mengatakan, bahawa peperangan yang dilancarkan oleh Perancis di Algeria adalah satu peperangan yang zalim kerana bertujuan hendak memusnahkan orang-orang yang bukan berbangsa Perancis. Wartawan itu juga telah didakwakan kerana dia membidas dengan sekeras-kerasnya akan cara-cara penyeksaan yang digunakan oleh orang-orang Perancis yang menjalankan penyeksaan kepada pejuang-pejuang Algeria, yang telah dilihatnya dengan matanya sendiri, seperti menyuruh mereka sebagaimana yang dilakukan oleh Perancis kepada Djamilia Boupacha - dan sebelum itu telah dilakukan kepada Djamilia Bouhired - dan juga menyelar badan mereka dengan karan, sehingga tersiat kulit dan menyebabkan daging

¹ perturunkan

² Tidak dapat dipastikan ejaan sebenarnya

badan mereka terbiar berlumuran darah dan bernanah, kemudian mereka dipukul dengan cemeti dengan cara yang amat kejam.

Ini, selain daripada perbuatan yang menghancurkan leburkan yang dilakukan oleh Perancis, seperti membakar bandar-bandar dan kampung-kampung, kebun-kebun dan sawah ladang, sekolah-sekolah dan madrasah dengan mengebomnya dengan alasan pejuang-pejuang Algeria sedang bertahan di situ. Dan selain daripada mendirikan tempat-tempat tahanan (penjara) dan membunuh dengan lambat yang didirikan di sana sini.

Tetapi kesemua perbuatan yang kebinatangan ini tidak dapat melumpuhkan semangat rakyat Algeria yang sedang berjuang itu. Tentera Perancis telah gagal dalam langkah mereka hendak membunuh roh kewatanan dan semangat perjuangan umat Islam Algeria yang bernyala-nyala itu. Kalau

De Gaulle dan pembantu-pembantunya serta pegawai-pegawai kerajaan dengan keganasan mereka yang tersebut cuba hendak melumpuhkan semangat rakyat Algeria atau hendak menundukkannya untuk kehendak mereka, maka perkara yang mereka sangka itu adalah mustahil. Algeria ialah sebuah negara Arab, dan akan berkekalan selama-lamanya sebagai sebuah negara Arab. Umat Arab tidak akan membiarkan peristiwa Palestin yang malang itu berulang di Algeria.

Umat Arab dan Islam seluruhnya berdiri di belakang rakyat Algeria yang gagah perwira, sedia membantunya dengan harta benda dan nyawa dalam perjuangan sucinya untuk merebut kemerdekaannya. Algeria akan mencapai kemerdekaannya walaupun Perancis cuba menghalangnya dengan cara yang ganas dan kejam.

(Dari majalah “*al-‘Arabiyy*” keluaran negeri Kuwait)

Rapat umum di Tanah Melayu mengutuk penjajah Perancis

Sepuluh ribu orang telah menghadiri rapat umum mengutuk penjajah Perancis yang sedang membunuh rakyat Algeria dengan kejamnya.

Rapat umum itu diadakan dengan jayanya di Kuala Lumpur pada bulan Disember yang lalu oleh jawatankuasa pembantu perjuangan kemerdekaan rakyat Algeria di Persekutuan Tanah Melayu.

Gambar General De Gaulle, Presiden negara Perancis, telah dibakar dengan diperhati oleh orang ramai yang berpekik: “Merdeka Algeria!”, “jahanamlah penjajah Perancis!”.